

22 SEP 1998

Sabbaruddin-Anwar

GALERI UMNO TIDAK SEPATUTNYA JADI SASARAN PENYOKONG ANWAR

KUALA LUMPUR, 22 Sept (Bernama) -- Setiausaha Agung Umno Datuk Sabbaruddin Chik kesal dengan tindakan para penyokong bekas Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim yang menjadikan Galeri Perjuangan Umno di sini sebagai sasaran rusuhan mereka Ahad lepas.

"Saya tidak faham mengapa mereka marah dengan galeri itu...ini rusuhan yang tak sepatutnya dibuat kerana galeri (perjuangan Umno) bukan Dr Mahathir punya," katanya kepada pemberita di sini.

Menurutnya galeri itu, yang mempamerkan sejarah perjuangan Umno sejak penubuhannya pada 1946, merupakan milik parti dan mempunyai "nilai sentimental" kepada parti itu.

Sabbaruddin, yang turut membawa wartawan melawat galeri di Menara Datuk Onn, Pusat Dagangan Dunia Putra, berkata hampir separuh daripada 81 bahan pameran telah dirosakkan sama ada dipecahkan atau dikoyakkan oleh mereka yang tidak bertanggungjawab.

Mengenai jumlah kerugian, Sabbaruddin yang juga Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, berkata ia sukar dianggarkan kerana nilai setiap bahan pameran bergantung kepada kesukaran mendapatkan penggantinya.

Ketua Pegawai Keselamatan RHB Kawal, Rabu Sahak, yang bertugas pada malam kejadian itu, berkata lebih 1,000 orang menyerbu galeri itu pada pukul 7.10 malam Ahad lepas.

RHB Kawal ialah syarikat yang bertanggungjawab menjaga hal ehwal keselamatan di PWTC.

Beliau berkata mereka memusnahkan bahan pameran di situ walaupun ditegah oleh pengawal-pengawal keselamatan yang bertugas.

"Kita tidak dapat berbuat apa-apa kerana jumlah mereka ramai dan kita hanya ada dua tiga orang," katanya.

Menurut beliau laporan polis telah dibuat lewat tengah malam itu dan galeri itu kini ditutup sementara untuk dibaiki.

-- BERNAMA

HJ NAK